

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 28 OKTOBER 2013**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan,  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Ketua Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

## **KATA-KATA ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan kepada staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

## **MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG**

### **12<sup>th</sup> Asian University Presidents Forum (AUPF)**

2. Seperti yang kita sedia maklum, UniMAP dengan kerjasama Malaysian Higher Education Leadership Academy (AKEPT) telahpun berjaya menganjurkan 12<sup>th</sup> Asian University Presidents Forum (AUPF) yang berlangsung pada 6 Oktober dan berakhir pada 9 Oktober 2013 yang lalu.

3. Alhamdulillah, kita berjaya menghimpunkan 67 presiden dan wakil institusi pengajian tinggi dari 22 negara Asia terdiri dari 74 institusi pengajian tinggi dengan majlis perasmian AUPF disempurnakan oleh Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh di Kampus UniMAP Pauh Putra. Saya sebagai Pengurus AUPF 2013 berasa bangga apabila Datuk Seri Idris Jusoh meletakkan keyakinan bahawa AUPF menjadi forum terbaik ke arah meningkatkan kerjasama universiti di peringkat Asia.
4. Malah, sambutan yang diterima semasa ucaptama yang disampaikan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad di Kompleks Dewan Kuliah, Kampus Pauh Putra amatlah membanggakan. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada jawatankuasa pelaksana AUPF dan juga warga UniMAP yang merealisasikan kejayaan AUPF ini.

5. Di sini, saya ingin menyeru kepada semua warga akademik UniMAP untuk senantiasa mempraktikkan penggunaan bahasa Inggeris semasa dalam kuliah. Saya berasa terpanggil untuk berkata sedemikian apabila bersama-sama dalam sidang media bersama Tun Mahathir pada hari perasmian AUPF lalu. Timbul kerunsingan kepada saya apabila Tun M menyatakan bahawa kelemahan menguasai Bahasa Inggeris akan menjelaskan peluang graduan yang ingin mencari pekerjaan sekaligus akan memberi kesan kepada masa depan mereka.
6. Antara contoh yang diberikan oleh Tun adalah sebanyak 333 calon lepasan institusi pengajian tinggi dipanggil temu duga untuk jawatan berkaitan IT (teknologi maklumat) namun hanya tujuh daripada mereka yang diterima bekerja kerana selebihnya tidak menguasai bahasa Inggeris. Malah ada calon temuduga tersebut meminta soalan temuduga diterjemah dalam bahasa Melayu.

7. Saya yakin UniMAP mampu melahirkan graduan yang hebat dalam bidang kejuruteraannya tetapi janganlah memandang enteng terhadap penggunaan bahasa Inggeris sehingga menggunakan bahasa Melayu sewaktu dalam kuliah. Praktikkan bahasa Inggeris kerana buku-buku kejuruteraan adalah dalam bahasa Inggeris. Penggunaan Bahasa Inggeris oleh warga akademik akan menggalak dan memberi keyakinan kepada pelajar untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris. Mohon kerjasama semua ketua jabatan untuk menyalurkan maklumat ini kepada semua ahli akademik kita agar tidak ada seorang pun terlepas dari mendapat maklumat ini. Terima kasih.

**KSU II KPM SARAN IPTA APLIKASI KADEAH BINAAN  
KOLEJ KEDIAMAN UniMAP**

8. Pada 21 Oktober yang lalu, Ketua Setiausaha (KSU) II Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang telah mengadakan lawatan ke UniMAP.

Selepas sesi taklimat pembangunan Kampus Induk Pauh Putra di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, beliau menyarankan agar semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengaplikasikan kaedah pembinaan kolej kediaman yang digunapakai oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

9. Saya berasa bangga kerana beliau memuji kaedah pembinaan kolej kediaman yang dibangunkan tanpa menggunakan wang kerajaan tetapi dibiayai oleh sebuah syarikat pemaju iaitu Proven Holding Sdn Bhd yang kemudiannya diuruskan oleh UniMAP apabila sudah siap sepenuhnya.
10. Sekurang-kurangnya usaha keras UniMAP yang ingin membantu mengurangkan bebanan kewangan kerajaan dapat dirasai dan difahami oleh Ketua Setiausaha (KSU) II KPM dan beliau juga telah berjanji akan membantu UniMAP dalam hal yang berkaitan sistem pendidikan tinggi ini.

## **PAMERAN KARYA SENI 1 MALAYSIA CONTEMPORARY ARTS TOURISM (MCAT) PERLIS IN PERSPECTIVES**

11. Bidang seni kontemporari merupakan salah satu kunci utama untuk menarik minat para pelancong dari dalam dan luar negara terutamanya di kalangan para peminat seni untuk mengunjungi Negara kita sesuai dengan tema Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia iaitu “Malaysia Destinasi Pelancongan Baru Anda” dan bersempena juga dengan “Tahun Melawat Malaysia 2014”.
12. Oleh itu, **PAMERAN KARYA SENI 1 MCAT PERLIS IN PERSPECTIVES** yang mempamerkan 90 lukisan di perkarangan Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, UniMAP yang telah dihasilkan oleh 30 pelukis dari persatuan pelukis negeri kedah dan Perlis.
13. Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merangkap Canselor UniMAP berharap agar seni kontemporari terus berkembang pesat bagi menarik kunjungan tetamu dari dalam dan luar Negara.

Titah baginda, Malaysia khususnya Negeri Perlis menghidangkan dengan panorama yang menarik termasuklah hutan belantara, keindahan air terjun, pantai, gunung-ganang, sawah padi dan juga pemandangan pekan tradisional serta kehidupan kampung yang boleh menjadi pencetus kepada idea-idea seni yang lebih kontemporari.

14. Oleh itu, saya secara peribadi berpendapat adalah sangat rugi sekiranya keindahan itu tidak dapat dikongsikan secara menyeluruh di seluruh pelusuk Negara. Saya percaya usaha kita dengan menganjurkan pameran seni seperti ini dapat mempromosikan karya-karya seni artis-artis muda dan yang sedang meningkat naik kepada para pelawat sekaligus akan menarik kunjungan lebih ramai pelancong ke negeri ini. InsyaAllah.

## **BioMalaysia 2013 di Johor Bahru.**

15. Satu berita baik yang ingin saya kongsikan bersama warga UniMAP pada pagi ini iaitu kita terus menambah koleksi pungutan anugerah bagi 2013 apabila meraih tiga pingat emas pada Seminar Bio Malaysia dan Bio Ekonomi Asia Pasifik ( BioMalaysia) 2013 yang berlangsung pada 21 hingga 23 Oktober yang lalu. Kita telah menghantar 16 produk penyelidikan dan berjaya meraih tiga emas, empat perak dan tujuh gangsa.
16. Lebih manis lagi, apabila produk Dr. Rozyanty Rahman dari Pusat Pengajian Kejuruteraan bahan iaitu “Kenaf-Septank”: As Green Hybrid Septic Tank and High Performance Composite turut meraih Anugerah Paling Inovatif. Dua lagi produk yang memperoleh pingat emas adalah GG-Powder hasil penyelidikan Norina Hidayu Jamil dari Pusat Kecemerlangan Geopolymer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech) dan produk MULDEGRA oleh penyelidik Dr. Sam Sung Ting dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses.

17. Semua 16 produk yang kita hantar untuk BioMalaysia pada kali ini merupakan produk-produk yang dilihat mampu untuk dikomersilkan dan ianya dihasilkan oleh penyelidik- penyelidik muda UniMAP. Walaupun jumlah produk yang dihantar berkurangan berbanding tahun lalu, kita masih mampu untuk mengekalkan jumlah kutipan emas, saya berharap di masa akan datang, lebih banyak kutipan pingat akan kita perolehi dengan idea-idea yang lebih segar dari penyelidik-penyelidik muda ini.
18. Sebelum terlupa, kejayaan ini juga telah membolehkan kita untuk berada di kedudukan kedua keseluruhan selain turut memenangi tempat ketiga bagi kategori Booth Terbaik. Berikan tepukan kepada delegasi UniMAP yang menyertai BioMalaysia 2013.

## **Olahraga Terbuka dan Tertutup UniMAP**

19. Ucapan tahniah saya ucapkan kepada semua yang telah terlibat dalam Kejohanan Olahraga tertutup UniMAP ke - 9 dan Kejohanan Olahraga Terbuka UniMAP ke - 2 yang telahpun berakhir semalam.
20. Saya berpuas hati dengan penganjuran kejohanan pada kali ini. Kepada yang Berjaya sekalung ucapan tahniah saya ucapkan. Berikan tepukan kepada Olahragawan Senior UniMAP 2013, Mohammad Firdaus Jamen; Olahragawati Senior UniMAP 2013, Siti Fatimah Ustad Latif; Olahragawan Veteran UniMAP 2013, Pungut Ibrahim, Olahragawati Veteran UniMAP 2013, Zuraida Desa.

## **MAKLUMAN PROGRAM AKAN BERLANGSUNG**

### **ASIAN University Woodball Championship**

21. Pada 1 – 6 November ini, kita akan menjadi tuan rumah bagi penganjuran ASIAN University Woodball Championship yang akan diadakan buat julung kalinya. Kejohanan ini akan disertai oleh 42 wakil dari 16 negara. Antaranya Negara yang terlibat adalah China, Singapura, Taipie, Korea, Thailand dan lain-lain lagi.
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
22. Kemaskini mengenai kejohanan ini akan dapat diikuti pada setiap hari kerana kita akan mengeluarkan buletin yang akan memaparkan berita-berita mengenai kejohanan ini.
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
23. Marilah kita berdoa agar kejohanan ini akan berjalan dengan lancar kerana pihak FISU iaitu satu badan penilai yang akan mengaudit kelayakan UniMAP untuk menganjurkan Woodball peringkat dunia yang insyaAllah akan berlangsung pada tahun hadapan.

## **PECIPTA 2013**

24. Untuk makluman warga UniMAP, PECIPTA 2013 iaitu singkatan dari Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa akan dianjurkan secara bersama oleh UniMAP dan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang akan berlangsung pada 7 hingga 9 November 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Ini merupakan pameran penyelidikan yang sangat penting dan kita diberi amanah dan kepercayaan untuk menganjurkan pameran tersebut.
25. Setakat 21 Oktober 2013, kita telah menerima pengesahan 472 produk yang akan menyertai PECIPTA 2013. Sebanyak sepuluh Negara juga telah memberi pengesahan untuk memeriahkan pameran tersebut. Antara Negara yang terlibat adalah Negara Korea, China dan lain-lain lagi. In Sha Allah, jika tiada aral melintang, saya juga akan ditemuramah dalam slot MHI pada 4 November ini bagi membincangkan secara terperinci mengenai PECIPTA 2013. Saya berharap agar warga UniMAP dapat bersama-sama menonton MHI pada hari Isnin tersebut.

## **PENUTUP**

26. Rasanya tidak perlu untuk saya berucap dengan lebih panjang lagi. Semoga perkongsian ini akan memberi manfaat kepada kita untuk terus mengharumkan nama UniMAP di masa akan datang.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.